

KISAH KEJAYAAN PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KAMPUNG SELABAK


ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KAMPUNG SELABAK
Location Lokasi	BATU 3, KAMPUNG SELABAK 36000 TELUK INTAN, PERAK DARUL RIDZUAN
Name of person(s) Nama	HASSAN BIN MAD BASARI
Details of person (s) Butiran diri	521122-08-5617 62 TAHUN LELAKI SEK REN BEKERJA SENDIRI
Success story Kisah kejayaan	Ketika kebanyakan lelaki yang seusianya berehat di rumah sambil melayan keletah cucu-cucu, En Hassan pula sibuk merancang strategi bagi memulakan perniagaannya dalam talian dengan berbekalkan minat dan semangat yang cekal di dalam diri pemilik nama Hassan bin Mad Basari ini. Beliau merupakan seorang yang buta komputer dan it dan tidak pernah sekali pun memegang tetikus inikan pula menaip di atas papan kekunci, ujar beliau merendah diri. Memandangkan beliau berasal dari golongan yang kurang pendapatan dan berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU) maka beliau tidak pernah memiliki laptop mahupun komputer sendiri di rumah. Hal tersebut merupakan salah satu penghalang untuknya mengetahui mengenai komputer dan internet walaupun mempunyai niat untuk mempelajarinya memandangkan terdapat segelintir rakan-rakan yang seusia dengannya mengetahui sedikit sebanyak mengenai it. Beliau juga pernah mencuba pergi ke pusat siber berhampiran untuk mengenal sendiri apa itu internet namun beliau takut diketawakan oleh kanak-kanak yang berada disitu memandangkan beliau sudah tua dan bimbang digelar orang tua tidak sedar diri. Namun, apabila beliau mendapat perkhabaran bahawa di Kampung

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Selabak akan membuka sebuah Pusat Internet 1Malaysia(PI1M) pada Ogos tahun lalu walaupun beliau tidak mengetahui apa itu PI1M , beliau terus memasang niat untuk belajar bidang ICT. Beliau turut berazam untuk memiliki akaun Facebook seperti rakan-rakan seangkatan yang lain dan belajar lebih mendalam mengenai komputer dan internet.</p> <p><i>1. How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <p>Setelah menghadiri kelas membuka akaun email, Facebook dan Blog yang dianjurkan oleh Pusat Internet 1Malaysia Kampung Selabak, barulah Encik Hassan mengetahui apa itu sebenarnya internet dan komponen komputer. Beliau sudah pandai memegang tetikus dan menaip di atas papan kekunci. Apabila beliau sudah mengetahui sedikit sebanyak mengenai internet dan media baru seperti Facebook, beliau memikirkan mengenai perniagaan yang boleh dijalankan di dalam talian seperti rakan-rakan lain. Bagi beliau, internet sangat penting pada masa kini memandangkan ramai yang menggunakan internet sebagai medan perniagaan tidak kira apa jua jenis perniagaan yang dijalankan. Selain dapat menjimatkan masa, internet juga dapat membantu beliau untuk mencari formula dan maklumat apabila melihat perniagaan orang lain di dalam talian. Beliau yakin bahawa internet mampu mengubah kehidupannya yang pada mulanya buta it menjadi lebih cemerlang apabila semuanya berada diujung jari. Beliau juga mengetahui bahawa dengan adanya internet, beliau dapat bertemu kembali dengan sanak saudara dan rakan-rakan lama yang sudah lama tidak berjumpa melalui Media Baru, Facebook.</p> <p>Kini, dengan adanya internet, Encik Hassan giat mencari informasi untuk memulakan perniagaan dalam talian dan seterusnya berjaya seperti peniaga lain yang mampu menaikkan taraf kehidupan kepada kehidupan yang lebih baik. Melalui internet juga, beliau berhasrat untuk menggunakan Media Baru seperti Facebook dan blog sebagai medium pengiklanan dan jualan.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet</i> <i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>En Hassan menggunakan internet sebagai medium mencari informasi dan input-input dan informasi tersebut akan digunakan sebagai ilmu untuk memulakan perniagaan dalam talian kelak. Selain itu, dengan internet juga En Hassan sudah boleh membuka laman sesawang Facebook dan berjumpa dengan kenalan lama dan pengetahuannya mengenai internet kini setanding dengan rakan-rakan yang lain dan beliau tidak lagi ketinggalan walaupun mempunyai latar belakang dari keluarga yang tidak berkemampuan dan berstatus Orang Kurang Upaya. Status tersebut tidak pernah menghalang beliau untuk terus berjaya dan kini giat mengumpul maklumat di internet untuk memulakan perniagaan dalam talian.</p>
Keterangan gambar Photo caption	
Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	
Feedback Maklumbalas	<p>1. <i>What was your first impression towards PI1M?</i> <i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p>Pertama kali menjekakkan kaki di PI1M saya sudah berazam untuk bangkit dari kesusahan dan berusaha untuk memperoleh ilmu dengan menggunakan segala kemudahan yang ada. Kewujudan PI1M adalah salah satu medium untuk berjaya dalam apa jua bidang. PI1M merupakan satu cabang dalam mencari ilmu dengan hanya segalanya berada di hujung jari. Hanya klik sahaja, semua maklumat boleh diperolehi dengan sekilip mata. PI1M membuka mata penduduk kampung termasuk saya dimana ia merupakan keperluan kepada masyarakat kini lebih-lebih lagi kepada komuniti luar Bandar yang kurang mendapat pendedahan mengenai ICT. Melalui PI1M, banyak maklumat boleh diperolehi dan mampu meningkatkan taraf hidup jika menggunakan informasi tersebut dengan sebaik-baiknya.</p> <p>Sebagai contoh, mencari maklumat dalam memulakan perniagaan mahupun kerjaya dalam talian yang kini kian popular dalam menongkah arus permodenan dan</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>alam siber ini.</p> <p>2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M?</i> <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i> <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p>Tarikan utama adalah kemudahan PI1M yang lengkap dan selesa selain kadar bayaran penggunaan yang agak rendah berbanding di siber kafe lain. Selain itu, keadaan dan suasana yang tenang memudahkan beliau untuk memberikan tumpuan semasa sesi pembelajaran dan semasa mencari maklumat di internet. Namun, tarikan utama yang membimbing beliau untuk datang ke PI1M adalah beliau tidak berasa malu untuk belajar memandangkan ramai rakan seusia beliau turut mempunyai niat yang sama dan datang menghadiri kelas. Selain itu, dengan keadaan diri beliau yang kurang berkemampuan, PI1M merupakan sebuah medan yang dapat merealisasikan impian beliau untuk menjadi seorang yang celik it tanpa halangan pada masa kini.</p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful?</i> <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p>PI1M dapat membantu seseorang individu/kumpulan mencapai kejayaan melalui kemudahan internet yang disediakan. Dengan adanya kemudahan tersebut, individu dapat mencari informasi dan maklumat terkini dimana informasi tersebut dapat digunakan dalam melancarkan lagi perniagaan dan seterusnya memacu kehidupan yang lebih cemerlang. Bukan itu sahaja, kewujudan PI1M juga menjadi medan pertembungan idea dari penduduk setempat untuk berkumpul dan membuat diskusi seterusnya berkongsi pendapat, maklumat, ilmu dalam memajukan perniagaan mahupun organisasi.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)</i> <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain).</i></p> <p>Encik Hassan berharap dan mencadangkan agar PI1M dapat menyediakan capaian internet yang lebih baik dan laju bagi memudahkan urusan di dalam talian agar lebih mudah dan tidak mengambil masa yang lama oleh kerana internet yang kurang memuaskan.</p>



En Hassan sedang mempelajari cara-cara mengambil gambar dengan menggunakan aplikasi *Web Cam Central* di komputer untuk dimasukkan ke dalam Facebook beliau.



En Hassan (duduk) kusyuk mengambil gambar sambil diperhatikan dan mendapat tunjuk ajar oleh rakkannya, En Jamil (berdiri).

KISAH KEJAYAAN HASSAN BIN MAD BASARI

Dari seorang yang tidak pernah memegang tetikus dan tidak mengenali papan kekunci, kini En Hassan Bin Mad Basari boleh berbangga dengan diri beliau kerana berjaya mempunyai akaun Facebook sendiri dan berkomunikasi dengan rakan-rakan melalui laman sesawang tersebut.

Walaupun dilahirkan tidak sempurna, itu bukan alasan untuk beliau tidak berjaya seperti insan lain yang senasib dengannya. Berbekalkan semangat yang tinggi untuk menongkah arus permodenan ICT, beliau ketepikan sifat malu dalam diri dan lebih bersemangat untuk datang ke Pusat Internet 1Malaysia Kampung Selabak bagi mempelajari bidang tersebut. Atas minat dan dorongan ahli keluarga yang menjadi tunjang utama, individu berjiwa besar yang berstatus orang kelainan upaya (OKU) ini mempunyai minat yang mendalam untuk mempelajari bidang it walaupun kadangkala disekat oleh keadaan fizikal yang menyukarkan beliau untuk berjalan serta kedaifan keluarga yang tidak berkemampuan memiliki komputer sendiri. Namun, masalah tersebut bukan lagi penghalang dan kini beliau bergiat aktif merancang untuk memulakan perniagaan dalam talian setelah menghadirkan diri di dalam kelas Media Baru yang dianjurkan oleh Pusat Internet 1Malaysia Kampung Selabak awal Januari lalu.

Menceritakan kisah hidupnya, bapa kepada 7 orang cahaya mata itu tidak pernah menjadikan kecacatannya sebagai halangan untuk mencapai kejayaan lebih-lebih lagi di dalam bidang ICT dengan berbekalkan minat yang amat mendalam.

Selepas mengikuti kelas Media Baru di atas tunjuk ajar tenaga pengajar di Pusat Internet 1Malaysia Kampung Selabak, beliau sudah berjaya mempunyai laman sesawang sendiri iaitu Facebook dan blog, kini sedang merancang pula untuk memulakan perniagaan dalam talian tidak lama lagi dan

menggunakan medan laman sosial Facebook sebagai permulaan. Bagi beliau, Facebook merupakan medan utama yang akan membantu beliau dalam memasarkan perniagaannya berbanding blog memandangkan majoriti sasaran pengguna memiliki akaun Facebook. Beliau juga merancang untuk meluaskan perniagaan dalam talian kepada aplikasi lain seterusnya berhasrat untuk memiliki laman web sendiri.

Nyata, pendedahan yang diperolehi oleh beliau setelah mengikuti Kelas Media Baru tersebut berjaya menarik minat pemilik nama Hassan Bin Mad Basari ini untuk mempunyai perancangan jangka masa panjang untuk menceburkan diri dalam perniagaan dalam talian dan berazam untuk menjadi individu yang celik IT seiring dengan matlamat kerajaan untuk membantu golongan Luar Bandar dalam bidang it seiring dengan masyarakat badndar sekaligus merapatkan jurang digital antara mereka.

Buat masa ini, En Hassan atau lebih mesra dengan panggilan Wak Hassan masih belum memulakan sebarang perniagaan namun berbekalkan minat yang mendalam dan semangat yang berkobar-kobar, beliau nekad untuk membuat perancangan yang teliti untuk membuka perniagaan dalam talian yang sesuai seterusnya berharap agar bidang perniagaan dalam talian yang akan diceburi ini dapat membantu meningkatkan keyakinan diri dan taraf ekonomi kehidupan beliau akan bertambah baik.

Sementara itu, petugas Pusat Internet 1Malaysia Kampung Selabak juga dapat melihat kesungguhan En Hassan untuk menceburi bidang perniagaan dalam talian selain mendapat sokongan padu dari rakan-rakan yang seusia dengan beliau.

Beliau juga merupakan antara peserta PI1M yang sangat komited untuk belajar dan tekun ketika melakukan tugas yang diberi. Selain itu, beliau juga seorang yang sering bertanya soalan jika tidak memahami apa yang dipelajari.

Kini En Hassan sering menghadirkan diri di dalam kelas-kelas dan bengkel yang dianjurkan oleh Pusat Internet 1Malaysia Kampung Selabak bagi memantapkan diri dalam penggunaan komputer dan mempelajari lebih banyak lagi mengenai aplikasi internet.

Mengimbasi kembali kehidupan beliau sebelum ini yang buta IT, ternyata keputusan untuk belajar mengenai internet dan ICT bukan hanya sia-sia kerana beliau kini sudah berjaya memperbaiki diri untuk mempelajari bidang ICT dan semoga usaha beliau untuk mempunyai perniagaan dalam talian akan membawa hasil dan mengubah kehidupannya suatu hari nanti.